

12/05/1998

Metrowangsa mahu urus 4 dana saham

Kadir Dikoh

METROWANGSA Asset Management Sdn Bhd (Metrowangsa) yang sebelum ini dikenali sebagai Komplek Metrowangsa Sdn Bhd, merancang menguruskan empat dana saham amanah dengan nilainya berjumlah kira-kira RM2 bilion.

Ketua Eksekutifnya, Dr Ghazali Atan, berkata saiz setiap dana berbabit dianggarkan RM500 juta dan berharap ia dapat dilancarkan dalam tahun ini meskipun dalam keadaan kegawatan ekonomi.

Sehubungan itu, katanya, Metrowangsa mungkin memperbadankan syarikat baru atau menggunakan anak syarikat milik 51 peratusnya iaitu Hijrah Managers Bhd (Hijrah) untuk mengendalikan dana terbabit.

"Kami sedang berbincang lanjut dengan organisasi yang sudah dikenal pasti berminat terhadap dana saham amanah ini," katanya kepada Berita Harian. Beliau bagaimanapun enggan mengesahkan nama organisasi terbabit.

Syarikat milik penuh Bumiputera, Metrowangsa menerusi Hijrah dilantik sebagai pengurus pelaburan bagi Amanah Saham Wanita (Asnita) yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, minggu lalu.

Promoter Asnita yakin ia berupaya menarik pelaburan bernilai kira-kira RM200 juta dalam tempoh tiga minggu selepas pelancaran itu.

Metrowangsa, firma pengurusan aset yang ditubuhkan tahun lalu dengan modal berbayar RM2 juta dan modal dibenarkan RM5 juta, kini menguruskan dana bernilai kira-kira RM40 juta.

Syarikat terbabit yang menggunakan pendekatan konsep pengurusan syariah mula menguruskan dana berdasarkan mudharabah (perkongsiannya keuntungan) Jun tahun lalu, sebulan sebelum kegawatan kewangan serantau tercetus berikutan pengapungan baht Thailand pada 2 Julai.

Ditanya mengenai langkahnya untuk mengurus lebih banyak dana dalam keadaan ekonomi semasa serta strategi pelaburan yang dianggap sesetengah pemain pasaran agak sukar berikutan turun naik ringgit serta pasaran saham, Dr Ghazali berkata, keadaan itu sebenarnya bukan menjadi penghalang.

Katanya, pemilihan sebelum pembelian saham di pasaran perlu dibuat dengan teliti berasaskan penyelidikan dan meninjau potensinya, bukan berasaskan khabar angin.

"Prospek ekonomi sekarang memang tidak bagus dan ia terpulang kepada kebijaksanaan kita menguruskannya. Terbukti kita berupaya menguruskan pelaburan tabung wanita (Tabung Ehsan Wanita, sebelum namanya ditukar kepada Asnita) dengan baik apabila pelabur mendapat pulangan 13 peratus, dalam keadaan sekarang sejak tabung itu beroperasi Februari lalu.

"Ini adalah kejayaan awal kerana kita berupaya menguruskan pelaburan itu sebaik mungkin walaupun dalam keadaan ekonomi yang masih belum menentu.

"Kami hanya melabur di kaunter syarikat yang menjalankan kegiatan halal," katanya sambil menyatakan kecenderungannya melabur terhadap kaunter firma kemudahan asas, peladangan dan syarikat yang memperolehi hasil daripada pasaran asing buat masa sekarang.

Beliau tidak menolak kemungkinan membuat pelaburan ke luar negara melalui dana yang diuruskan Metrowangsa pada masa akan datang meskipun kini cuma tertumpu di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Katanya, setiap pelaburan yang dibuat adalah berasaskan syariah dan Metrowangsa sendiri mempunyai jawatankuasa pelaburan syariah diketuai Dr Ghazali. Anggota lain ialah Dr Mansur Isa, Dr Obiyathulla Ismath Bacha dan Mohamed Abdul Wahab, akauntan merangkap Pengarah Eksekutif Metrowangsa.

(END)

